



KENYATAAN MEDIA

YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN

LAPORAN LAKSANA KE-39

PELAKSANAAN
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN),
PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA) &
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KITA PRIHATIN (KITA PRIHATIN)

4 Februari 2021



PENGENALAN

1. **Laporan LAKSANA ke-39** ini akan menyentuh status pelaksanaan BELANJAWAN 2021, PERMAI, PENJANA dan KITA PRIHATIN, serta ulasan isu semasa. Status pelaksanaan inisiatif PRIHATIN pula boleh didapati di Lampiran 1.

ULASAN ISU SEMASA

A. PKP dan Kelangsungan Ekonomi

2. Tumpuan rakyat dan perniagaan pada masa ini sudah tentu tertumpu kepada pelaksanaan dan pelanjutan PKP. Bagi Kerajaan, menentukan definisi sebenar PKP yang perlu dilaksanakan bukanlah perkara yang mudah. Terdapat pelbagai pendapat tentang PKP. Ada yang mahu PKP ketat seperti pada awal Mac tahun lepas bagi memutuskan rantaian jangkitan. Ada pula yang mahukan PKP lebih longgar kerana bagi mereka, impak ekonomi akan menjadi lebih teruk susulan sekatan yang lebih tegas, jauh melebihi manfaat yang mungkin dicapai oleh pengekangan penularan virus tersebut.
3. Mengimbangi keperluan untuk melindungi kehidupan dan kelangsungan kehidupan rakyat bukanlah satu perkara yang mudah. Ekonomi negara tidak beroperasi seperti petikan suis. Ia tidak boleh "ditutup" dan "dibuka" mengikut kehendak kita. Kehidupan dan mata pencarian bergantung kepada kelangsungan operasi ekonomi. Dengan adanya PKP yang ketat, ya, rantaian jangkitan mungkin dapat diputuskan. Tetapi bagi peniaga kecil dan mikro - pengendali warung, tukang jahit, tukang gunting rambut - PKP yang lebih ketat bermakna sehari lagi dapur mereka tidak berasap, sehari lagi tiada sesuap nasi untuk menyara keluarga. Kita tidak mungkin dapat memuaskan hati semua

pihak tetapi kita perlu melihat isu ini secara komprehensif. Mengambil kira semua pandangan, Kerajaan telah memanjangkan tempoh PKP tapi membenarkan lebih banyak sektor ekonomi untuk dibuka dengan SOP ketat.

4. Terkini, Kementerian Kewangan akan membuat pembayaran kepada hampir 52,000 pemilik perusahaan kecil dan sederhana (IKS) mikro yang merayu terhadap Geran Khas Prihatin (GKP) 2.0 mulai esok, 5 Februari 2021, melibatkan peruntukan sebanyak RM155 juta. Jumlah keseluruhan penerima GKP termasuk GKP 1.0 adalah hampir 900,000 PKS mikro dengan nilai bantuan kewangan RM2.7 bilion.

B. Mengutamakan Kesihatan Awam & Kesejahteraan Rakyat

5. Sudah tentu, peneraju utama perang menentang Covid 19 adalah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Di bawah pakej bantuan PERMAI, Kerajaan komited untuk menyediakan dana tambahan RM3.25 bilion dan penyediaan peruntukan yang tertumpu kepada bekalan seperti tambahan reagen, kit saringan, serta peralatan PPE terutama kepada petugas kesihatan. Lebih daripada 3,500 anggota kesihatan juga telah ditambah dan pertambahan petugas juga akan diberikan keutamaan sekiranya wujud keperluan. InsyaAllah, penggajian pekerja tambahan akan dibuat dengan secara segera.
6. Bagi meringankan beban rakyat, inisiatif-inisiatif bantuan langsung di bawah #Belanjawan2021 telah kita perluaskan atau percepatkan. Sebagai contoh, di bawah PERMAI, Bantuan Prihatin Nasional 2.0 Fasa 2 dipercepatkan bermula 21 Januari. Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) Fasa 1 juga telah dipercepatkan di mana bantuan akan mula disalurkan pada hujung bulan ini berbanding sasaran awal penyaluran pada bulan Mei. Golongan rentan termasuk OKU juga sangat terkesan ekoran Covid 19. Bagi membantu mereka, kadar bantuan kebajikan bulanan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah dinaikkan berkuat kuasa mulai Januari 2021.
7. Kesukaran rakyat jelata juga saya saksikan semasa lawatan ke Pahang untuk meninjau program bantuan bagi mangsa banjir Monsun Timur Laut. Prihatin terhadap penderitaan rakyat, Kerajaan telah memperkenalkan dana bencana banjir sebanyak RM200 juta untuk membaik pulih infrastruktur kecil dan kediaman rakyat yang terkesan, serta tambahan RM50 juta untuk perbelanjaan operasi bencana di bawah program bantuan Permai, yang disalurkan melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Agensi kerajaan berkaitan juga diarahkan untuk menyegerakan segala bentuk bantuan bagi membaik pulih kerosakan infrastruktur kecil, rumah mangsa banjir serta membantu meringankan beban rakyat.





8. Pelbagai bentuk sumbangan dan bantuan ini perlu dilihat secara keseluruhan untuk menilai impaknya kepada masyarakat. Semasa saya meninjau warga PPR Kerinchi baru-baru ini, saya sempat bertemu Puan Nyarom Othman, warga emas berumur 73 tahun dan anak OKU beliau. Antara bantuan yang diterima dari JKM adalah Bantuan Orang Tua yang telah ditingkatkan dari RM350 ke RM500 sebulan & elaun PDK RM150 sebulan buat anaknya. Beliau turut menerima BPN berjumlah RM150 serta layak menerima BPR berjumlah RM1,200 selain dari bantuan Baitulmal RM300 sebulan. Mereka juga menerima inisiatif Bakul Makanan bernilai RM100 di bawah Pakej Bantuan PERMAI. Kalau dilihat secara berasingan, mungkin kita akan fikir bahawa elaun PDK RM150 sebulan tidak mencukupi. Namun, jika kita hitung peningkatan Bantuan Warga Emas yang dinaikkan dari RM350 ke RM500 dan semua bantuan lain yang diterima, barulah jelas bahawa secara keseluruhannya bantuan yang diberi agak besar jumlahnya.

C. Ekonomi Kita di Landasan yang Betul

9. Satu lagi berita baik yang perlu dikongsi bersama ialah pengesahan penarafan hutang Malaysia yang kekal pada tahap A3 oleh Moody's yang menunjukkan kepercayaan kepada kecekapan pengurusan ekonomi negara ini semasa menghadapi krisis. Ia juga menunjukkan keyakinan atas kekukuhan kawalan disiplin fiskal dan prospek mampan pertumbuhan jangka sederhana. Bagi rakyat biasa, ia bermakna bahawa Kerajaan masih mampu untuk melaksanakan program pemulihan ekonomi mengikut jadual yang dirancang. Insya Allah, pemulihan ekonomi juga akan mewujudkan pekerjaan baru di mana Kerajaan mensasarkan 500,000 pekerjaan baru tahun ini.
10. Walaupun kita mengalami defisit fiskal, perbelanjaan tambahan melalui pakej-pakej rangsangan ekonomi pada tahun 2020 adalah bukti bahawa Kerajaan sentiasa mengutamakan kesejahteraan rakyat. Setakat ini, pakej-pakej rangsangan ekonomi ini telah memanfaatkan 20 juta individu dan 2.4 juta perniagaan, dengan lebih daripada 50% inisiatif telahpun disalurkan. Daripada jumlah ini, sebahagian besar inisiatif ini termasuklah bantuan segera dan tunai seperti seperti Bantuan Prihatin Nasional, Geran Khas Prihatin, Subsidi Upah dan pelbagai langkah yang lain untuk melindungi rakyat dan memastikan kelangsungan perniagaan. Ini dijangka akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara sehingga empat mata peratusan pada tahun 2020.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

11. Bagi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau PENJANA, inisiatif telah dikategorikan kepada tiga matlamat iaitu: **Memperkasakan Rakyat; Melonjakkan Perniagaan; dan Merangsang Ekonomi**

PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

12. **Program Subsidi Upah (PSU) 1.0:** Sehingga 30 September 2020 iaitu tarikh tutup PSU 1.0, seramai **322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja** telah menerima manfaat PSU di bawah PRIHATIN dan PENJANA. Setakat 22 Januari, permohonan subsidi upah yang diluluskan mencapai nilai **RM12.719 bilion**.

PSU 1.0

Tarikh Setakat	Jumlah Diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
22 Januari	12.719**	2.640	322,177
15 Januari	12.702**	2.640	322,177
8 Januari	12.686**	2.640	322,177
1 Januari	12.682**	2.640	322,177
25 Disember	12.682**	2.640	322,177
27 November	12.524**	2.640	322,177
30 Oktober	12.255	2.639	322,175
25 September	11.930	2.633	321,633
28 Ogos	10.383	2.620	320,440
31 Julai	8.995	2.582	318,258

26 Jun	7.074	2.455	307,518
29 Mei	4.018	2.197	286,338
24 April	1.606	1.452	207,237

*Jumlah kumulatif

** Jumlah majikan dan pekerja kekal pada takat maksima. Namun, pembayaran dibuat secara berfasa dan berterusan untuk memastikan bahawa hanya perusahaan yang layak sahaja menerima subsidi tersebut.

13. **Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan:** Setakat 22 Januari, seramai **129,901 pekerja** telah berjaya mendapat pekerjaan melalui program ini. Antara industri dan sektor utama yang mengambil pekerja termasuk pembuatan serta perdagangan borong dan runcit. Butirannya adalah seperti berikut:

Tarikh Setakat	Kategori Rakyat yang Mendapat Pekerjaan				Jumlah*
	< 40 tahun	40 – 60 tahun	Perantis	OKU	
22 Januari	104,465	17,533	7,227***	676***	129,901
15 Januari	102,972	17,403	7,325	1,304	129,004
8 Januari	102,972	17,403	7,325***	1,304***	129,004
1 Januari	102,657	17,395	7,382**	1,345	128,779
25 Disember	102,623	17,394	7,417	1,344	128,778
27 November	72,505	11,370	5,808	1,247	90,930
30 Oktober	56,315	8,743	4,724	331	70,113
25 September	34,476	5,456	3,782	284	43,998
28 Ogos	18,354	3,266	2,818	178	24,616

*Jumlah Kumulatif

** Penurunan berbanding minggu sebelumnya adalah disebabkan oleh kelewatan masa (time lag) antara Penjana 1.0 yang telah tamat pada 21 Disember 2020 dengan Penjana 2.0 yang dilancarkan pada 4 Januari 2021.

*** Penurunan berbanding minggu sebelumnya adalah disebabkan sesetengah majikan yang tersilap membuat pemilihan kategori pekerja sebelum permohonan sebenar.

Senarai 5 industri/ sektor pengambil pekerja tertinggi mengikut kategori

Bil.	< 40 tahun	40 – 60 tahun	Perantis	OKU	Keseluruhan
1	Pembuatan	Perkhidmatan Lain	Perkhidmatan Lain	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Pembuatan
2	Perkhidmatan Lain	Pembuatan	Pembuatan	Perkhidmatan Lain	Perkhidmatan Lain
3	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Pembuatan	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal

4	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan
5	Pendidikan	Pembinaan	Maklumat & Komunikasi	Pendidikan	Pembinaan

14. **Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran:** Setakat 22 Januari, seramai **132,953 individu telah diluluskan** untuk mengambil bahagian dalam program-program yang disediakan. Senarai kursus-kursus yang mendapat permintaan boleh dilihat melalui pautan Kementerian Kewangan. Selain itu, pemohon juga boleh layari laman web agensi-agensi Kerajaan seperti yang tertera di bawah, untuk mendapatkan maklumat mengenai kursus-kursus yang ditawarkan. Bagi mereka yang sedang mencari pekerjaan terutamanya golongan belia, dijemput menyertai kursus-kursus ini.

Bil.	Kementerian/Agensi	Program / Skim / Inisiatif
1.	Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)	<i>SME Development</i>
		Industrial Revolution 4.0 (IREV4.0)
		<i>Place & Train</i>
		Gerak Insan Gemilang (GIG)
		<i>B40 Development</i>
2.	Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi (MEDAC)	<i>INSKEN Business Training</i>
		<i>Program Micro Connector</i>
3.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Modul Khas Penjagaan Kesihatan dan Keselamatan Kebiasaan Baharu
		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging E-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Training e-Commerce Platform</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Competencies / Short Courses Program</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Industry Boot Camp</i>
		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging e-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Bespoke</i>
4.	East Coast Economic Region Development Council (ECER)	<i>ETEP Enhanced Train& Place (PENJANA)</i>
5.	Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)	JomNiaga@NCER

		JomKerja@NCER
6.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	Pembangunan Kemahiran Komuniti
7.	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	Program Ekonomi Gig
		Program Keusahawanan

PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

15. **Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN atau TEKUN Business Recovery Scheme (TBRS)**: Skim khas untuk PKS Mikro dengan dana RM100 juta ini **telah mencapai objektifnya** pada **minggu lepas** dengan memanfaatkan **14,946 PKS Mikro**. Pada masa sama, masih terdapat inisiatif pembiayaan yang tersedia di bawah Matlamat ini seperti Pembiayaan PKS Penjana dan Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA
16. **Pembiayaan PKS PENJANA**: Peruntukan Kerajaan sebanyak RM2 bilion di bawah program ini mengutamakan PKS yang belum pernah mendapat pinjaman daripada bank sebelum ini. Setakat 22 Januari, sebanyak **6,404 permohonan telah diluluskan** dengan **jumlah nilai pinjaman sebanyak RM1.216 bilion**

Tarikh Setakat	Permohonan Diluluskan*	Jumlah Nilai Pinjaman* (RM juta)
22 Januari	6,404	1,216.1
15 Januari	6,139	1,180.3
8 Januari	6,139	1,180.3
1 Januari	5,976	1,149.1
25 Disember	5,764	1,122.1
27 November	5,301	1,085.7
30 Oktober	4,488	965.5
25 September	3,351	795.3
28 Ogos	1,615	426.2

*Jumlah Kumulatif

17. **Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA**: Peruntukan Kerajaan sebanyak RM1 bilion bagi PKS dan PKS mikro yang masih terkesan dengan COVID-19. Setakat **22 Januari**, terdapat **573 permohonan** bagi pembiayaan ini, dan daripada jumlah ini sebanyak **277 permohonan telah diluluskan** dengan jumlah pembiayaan sebanyak **RM55.4 juta** (berbanding 271 permohonan dengan nilai RM54.9 juta pada minggu sebelumnya).
18. **Pembiayaan Mikro Kredit PENJANA di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN)**: Setakat **22 Januari**, sebanyak **RM340.0 juta** telah disalurkan bagi memanfaatkan **10,037 PKS Mikro** termasuk dalam bidang peruncitan dan perkhidmatan.

Tarikh Setakat	PKS Mikro*	Jumlah Disalurkan* (RM juta)
22 Januari	10,037	340.0
15 Januari	9,652	328.1
8 Januari	9,358	320.0
1 Januari	8,936	307.2
25 Disember	8,158	282.8
27 November	6,492	227.5
30 Oktober	4,674	167.4
25 September	2,007	73.7
28 Ogos	399	15.2

*Jumlah Kumulatif

19. **Bumiputera Relief Financing (BRF) berjumlah RM200 juta oleh Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB):** Bantuan dana khas ini adalah khas untuk PKS Bumiputera yang terkesan oleh COVID-19, dengan pembiayaan **antara RM100,000 dan RM1 juta** bagi PKS terlibat. Setakat **22 Januari**, dana ini telah disalurkan kepada **494 PKS** melibatkan jumlah **RM135.5 juta** (berbanding 437 PKS dengan jumlah RM118.8 juta pada minggu sebelumnya).

PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI

20. **Sokongan bagi Industri Pertanian dan Makanan bagi golongan petani, peladang dan nelayan:** Daripada jumlah **peruntukan sebanyak RM400 juta, RM350 juta** merupakan peruntukan di bawah **Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank**. Setakat **22 Januari**, sebanyak **RM74.5 juta** telah disalurkan di bawah skim ini bagi memanfaatkan **7,012 PKS Mikro pertanian** (tiada perbezaan berbanding dengan minggu sebelumnya).

KITA PRIHATIN (Kerangka Inisiatif Tambahan Khas PRIHATIN)

21. **Geran Khas PRIHATIN (GKP) 2.0:** Permohonan rayuan telah disemak silang antara LHDN dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pembayaran akan dikreditkan terus pada 5 Februari 2021 ke akaun bank yang didaftarkan semasa permohonan Rayuan GKP 2.0. Semakan status kelulusan boleh dibuat mulai 4 Februari 2021 melalui portal GKP, iaitu <https://gkp.hasil.gov.my>. Jumlah keseluruhan penerima GKP 1.0 dan GKP 2.0 termasuk rayuan adalah hampir 900,000 PKS mikro, dengan jumlah bantuan RM2.7 bilion. Pemohon yang gagal kredit adalah atas sebab-sebab meninggal dunia, muflis atau dikenalpasti sebagai akaun keldai (*mule account*).
22. **Program Subsidi Upah (PSU 2.0):** Setakat **22 Januari**, sejumlah **RM729.12 juta** telah disalurkan kepada **63,718 majikan** untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi **511,566 pekerja**. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

PSU 2.0

Tarikh Laporan	Jumlah Disalurkan* (RM juta)	Jumlah Pekerja*	Jumlah Majikan*
22 Januari	729.12	511,566	63,718
15 Januari	590.35	475,510	57,146
8 Januari	590.35	475,510	57,146
1 Januari	457.14	445,255	52,998
25 Disember	418.67	420,193	51,022
18 Disember	239.73	307,420	39,203
11 Disember	239.73	307,420	39,203
4 Disember	239.73	307,420	39,203
27 November	239.73	307,420	39,203
20 November	164.26	273,767	34,479

*Jumlah Kumulatif

PENUTUP

23. Kerajaan tetap akan berusaha melakukan yang terbaik untuk membendung wabak COVID-19 dan memastikan proses pemulihan ekonomi dapat diteruskan

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
4 Februari 2021

LAMPIRAN 1 - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1.	Skim pengeluaran i-Lestari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Setakat 22 Januari 2021 , jumlah pengeluaran kumulatif adalah sebanyak RM16.16 bilion (berbanding RM16.06 pada minggu sebelumnya) dan melibatkan 5.08 juta penerima (berbanding 5.05 juta pada minggu sebelumnya). Perancangan persaraan adalah penting dan orang ramai disyorkan untuk menggunakan Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS) yang disediakan oleh pihak KWSP secara percuma untuk tujuan ini. Maklumat mengenai perkhidmatan percuma ini boleh didapati di pautan berikut: https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service
2.	Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners Allowance)	a. Setakat 22 Januari 2021, sebanyak RM484.86 juta telah disalurkan berdasarkan 1,449,100 tuntutan (tiada peningkatan berbanding minggu sebelumnya) yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19. b. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
3.	Diskaun bil elektrik	a. Setakat 22 Januari 2021, sebanyak RM2.16 bilion dalam bentuk diskaun bil elektrik telah disalurkan kepada 8.6 juta pengguna domestik tenaga elektrik yang disalurkan oleh Tenaga Nasional Bhd. b. Diskaun bil elektrik ini adalah lanjutan daripada Bantuan PRIHATIN Elektrik yang diperkenalkan semasa Pakej PRIHATIN. Diskaun yang diberikan adalah pada kadar antara 2 peratus ke 50 peratus berdasarkan kadar penggunaan, dan inisiatif ini disediakan sehingga 31 Disember 2020.

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN

4.	Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)	Setakat 22 Januari 2021, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah RM11.58 bilion yang akan memberi manfaat kepada 24,564 PKS. Jumlah ini termasuk dana <i>Special Relief Facility</i> (SRF), <i>Automation & Digitalisation Facility</i> (ADF), <i>All-Economic Sector Facility</i> (AES) dan <i>Agrofood Facility</i> (AF). <table border="1"> <thead> <tr> <th>Dana Pinjaman Mudah PKS</th><th>Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)</th><th>Jumlah PKS*</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>22 Januari</td><td>11.60</td><td>24,590</td></tr> <tr> <td>15 Januari</td><td>11.58</td><td>24,564</td></tr> <tr> <td>8 Januari</td><td>11.58</td><td>24,564</td></tr> <tr> <td>1 Januari</td><td>11.54</td><td>24,519</td></tr> <tr> <td>25 Disember</td><td>11.29</td><td>24,012</td></tr> <tr> <td>27 November</td><td>11.13</td><td>23,711</td></tr> <tr> <td>30 Oktober</td><td>10.87</td><td>23,305</td></tr> <tr> <td>25 September</td><td>10.67</td><td>22,984</td></tr> <tr> <td>28 Ogos</td><td>10.3</td><td>22,440</td></tr> <tr> <td>Julai</td><td>9.6</td><td>21,410</td></tr> <tr> <td>Jun</td><td>8.4</td><td>19,539</td></tr> <tr> <td>Mei</td><td>6.9</td><td>16,833</td></tr> <tr> <td>April</td><td>1.5</td><td>3,636</td></tr> </tbody> </table> <i>*Jumlah Kumulatif</i> Walaupun dana SRF telah dimanfaatkan sepenuhnya, PKS masih boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti ADF, AES dan AF. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui platform imSME di pautan https://imsme.com.my/portal/bm/ yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.	Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*	22 Januari	11.60	24,590	15 Januari	11.58	24,564	8 Januari	11.58	24,564	1 Januari	11.54	24,519	25 Disember	11.29	24,012	27 November	11.13	23,711	30 Oktober	10.87	23,305	25 September	10.67	22,984	28 Ogos	10.3	22,440	Julai	9.6	21,410	Jun	8.4	19,539	Mei	6.9	16,833	April	1.5	3,636
Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*																																										
22 Januari	11.60	24,590																																										
15 Januari	11.58	24,564																																										
8 Januari	11.58	24,564																																										
1 Januari	11.54	24,519																																										
25 Disember	11.29	24,012																																										
27 November	11.13	23,711																																										
30 Oktober	10.87	23,305																																										
25 September	10.67	22,984																																										
28 Ogos	10.3	22,440																																										
Julai	9.6	21,410																																										
Jun	8.4	19,539																																										
Mei	6.9	16,833																																										
April	1.5	3,636																																										